



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55
Bil. 17

15hb Ogos 2002

TAMBAHAN
No. 6

No. 706.

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)
(Subseksyen 64 (2))

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN SEBAHAGIAN PERIZABAN

Bahawasanya melalui Pemberitahuan 487 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 18 Jun 1970, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang terletakhak di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], telah mengisyiharkan bahagian tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas pelan hasil ukur Bil. PA 26859 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Perak hendaklah menjadi suatu rizab tapak penyembelihan yang akan diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suaimanfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tersebut dibatalkan sebahagiannya.

Maka, dengan ini diberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan sebahagian perizaban tersebut dan mana-mana orang yang ingin membantah atas pembatalan ini akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, di Bilik Mesyuarat, Pejabat Tanah Kinta, Ipoh pada 16hb. September, 2002, jam 9.00 pagi.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

686

[15hb Ogos 2002]

JADUAL

Daerah—Kinta, Mukim—Hulu Kinta, No. Pelan—PA 26859 sebahagian No. Lot—46531 (Luas—7.070 ekar/2.863 hektar).

Bertarikh 29 Julai 2002.
[PTG.Pk. 247/7-5550 (D); PTK (I) 8/88/97;
PU.Pk. 67/71-54.]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak

(Subsection 64 (2))

NOTICE OF PROPOSAL FOR REVOCATION OF PARTIAL RESERVATION

Whereas, by Notification No. 487 published in the state of Perak Government Gazette on the 18th June 1970, the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], proclaimed that the parcel of land situated in the Mukim Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. PA 26859 deposited in the office of the Director of Survey, Perak to be reserve for a public purpose, namely as a site for a New Abattoir to be maintained by the President, Ipoh Municipality and under the control of the State Secretary, Perak;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that foresaid reservation be partially revoked;

Now, notice is hereby given under subsection 64 (2) of the National Land Code [Act 56/1965] that the State Authority proposes to partially revoke the said reservation and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Perak at the Meeting Room, District and Land Office Kinta, Ipoh on 16th September 2002 at 9.00 a.m.

SCHEDULE

District—Kinta, Ipoh. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—PA 26859 part of Lot No.—46531 (Area—7.070 acres/2.863 hectares).

Dated 29 July 2002.
[PTG.Pk. 247/7-5550 (D); PTK (I) 8/88/97;
PU.Pk. 67/71-54.]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN
Secretary,
State Executive Council
Perak

Hakcipta Pencetak(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA